



**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PRODUK TRADISIONAL AMAN LIQUID DIKESAN MENGANDUNG RACUN  
BERJADUAL**

1. Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk tradisional berikut kerana dikesan mengandungi bahan racun berjadual iaitu yohimbine.

<b>Nama Produk (No. Pendaftaran)</b>	<b>Bahan Campur Palsu Yang Dikesan</b>	<b>Pemegang Pendaftaran Produk</b>
Aman Liquid (MAL12115015TC)	Yohimbine	Vital Force Enterprise

2. **Pendaftaran produk ini telah dibatalkan** oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke-304 bertarikh 27 September 2016 berikutan pengesanan bahan racun berjadual tersebut di dalam produk berkenaan.

**PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL**

3. Yohimbine adalah sejenis alkaloid yang kebiasaannya diperolehi dari tumbuhan *Puasinystalia yohimbe* dan digunakan dalam rawatan kegagalan erektil. Yohimbine tidak dibenarkan dalam ubat yang dikelaskan sebagai ubat tradisional. Penggunaan yohimbine secara tidak terkawal boleh menyebabkan kesan advers serius seperti peningkatan tekanan darah dan kadar denyutan jantung, keresahan, insomnia, halusinasi dan mania. Yohimbine boleh memberikan kesan mudarat kepada golongan tertentu seperti perempuan mengandung, pesakit darah tinggi, jantung, buah pinggang atau hati.

**PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR PRODUK-PRODUKINI**

4. Penjual dan pengedar produk ini diberi amaran untuk menghentikan penjualan dan pengedarannya dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan pemilikan produk ini untuk jualan melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

5. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

### **NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**

6. Orang awam yang sedang menggunakan produk ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat dari ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

7. Orang awam boleh menghubungi NPRA di talian 03-78835400 untuk pertanyaan atau maklumat lanjut dan menyemak status pendaftaran sesuatu produk dengan melayari laman sesawang <http://npra.moh.gov.my/>

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
MERANGKAP PENGERUSI PBKD  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**8 Oktober 2016**



**PRESS STATEMENT**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

**TRADITIONAL PRODUCTS AMAN LIQUID FOUND TO CONTAIN SCHEDULED POISON**

1. The National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA), Ministry of Health Malaysia (MOH) would like to urge the public to refrain from buying and using the following traditional product which had been found to contain scheduled poison, yohimbine.

Product Name (Registration Number)	Adulterants detected	Product Registration Holder
Aman Liquid (MAL12115015TC)	Yohimbine	Vital Force Enterprise

2. Registration of this product **has been cancelled** by the Drug Control Authority (DCA) at its 304<sup>th</sup> meeting on 27<sup>th</sup> September 2016 following the detection of scheduled poison.

**ABOUT SCHEDULED POISON**

3. Yohimbine is an alkaloid found usually in a plant known as *Puasinystalia yohimbe* which has been used in the treatment of erectile dysfunction. Yohimbine is not allowed in a product which is classified as a traditional product. Uncontrolled usage of yohimbine can cause serious adverse effects such as increased blood pressure and heart rate, anxiety, insomnia, hallucination and manic reactions. Yohimbine can cause deleterious effects to certain groups such as pregnant women, patients with high blood pressure, heart, kidney or liver disease.

**WARNING TO SELLERS AND DISTRIBUTORS**

4. All sellers and distributors are warned to stop sales and distribution of this product immediately. All sellers are reminded that possession for sale of this product violates the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

5. Individual found convicted under these laws may face penalty not exceeding RM25,000 and or imprisonment for a period not exceeding three (3) years for the first offence and penalty not exceeding RM50,000 and or imprisonment for a period not exceeding five (5) years for a subsequent offence. A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and a fine of up to RM100,000 for a subsequent offence.

#### **ADVISORY TO PUBLIC**

6. Consumers are advised to stop using this product and seek further advice from healthcare professionals, if experiencing any unpleasant effects or adverse events.

7. Members of the public can contact NPRA at 03-78835400 for further enquiry or information regarding the product and check registration status of a product by visiting the NPRA's webpage <http://npra.moh.gov.my/>

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA  
AS CHAIRMAN OF DCA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

**8<sup>th</sup> October 2016**

## PRODUK: AMAN LIQUID



### Amaran / Precaution:

Ini adalah persediaan Homeopathy. Jika penyakit berlarutan sila jumpa doktor.

Jauhi dari kanak-kanak.

*This is Homeopathy preparation.  
If symptoms persist, please consult  
the doctor.  
Keep out of reach of children.*

### Pemegang lesen oleh/Product Holder:

Vital Force Enterprise (MA0114505-T)  
No.5, Jln MB 19, Tmn Melaka Baru,  
75350 Batu Berendam, Melaka.

### Dikilangkan oleh / Manufactured by :

Farmina Bio Plus Industries &  
Consultants SDN.BHD.  
KSB 2-10 & 2-11, Kompleks IKS,  
Jln Parit Raja, 86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor.

### Indikasi/Indication:

Digunakan secara homeopati untuk memulihkan tenaga dan kesihatan lelaki.

*Homeopathically used for energy  
and men's health.*

### Cara penggunaan/Instruction:

Ambil 2 kali sehari, 4 kali semburan setiap kali. Pastikan mulut bersih dari minuman dan makanan. Jangan makan atau minum 1/2 jam sebelum dan selepas mengambil AMAN LIQUID. Sesuai untuk lelaki dewasa.

*Take twice a day, 4 presses each time.  
Do not eat or drink 1/2 hour before  
and after taking AMAN LIQUID.  
Suitable for adult.*

Sila gonggong terlebih dahulu, simpan di tempat yang kering dibawah suhu 30°C.  
Jauhi daripada panas dan lembab.

*Shake well before use. Keep in a dry  
place below 30°C. Protect from heat  
and moisture.*

### Ramuan / Ingredients :

Avena Sativa Q	: 7.6 ml
Kali Phosphoricum 6	: 5.7 ml
Phosphoricum Acidum 6	: 5.7 ml
Nux Vomica 6	: 5.7 ml